

Pekerja Malaysia di luar negara diseru kembali ke tanah air

U.M. 17 APR 1992

MELAKA 16 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara supaya kembali ke tanah air untuk sama-sama berusaha menjayakan Wawasan 2020.

Beliau berkata, adalah amat memalukan jika rakyat Malaysia 'menyeludupkan diri' ke negara lain hanya untuk mencari pekerjaan sedangkan mereka boleh mendapat upah yang mencukupi di negara sendiri.

Menurutnya, pekerja-pekerja negara ini bukan saja terpaksa menyembunyikan diri atau melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak berkuasa di negara lain, malah ada yang sampai dilayan seperti penjenayah.

"Saya yakin sara hidup di Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada di negara asing walaupun upah mereka lebih rendah," kata Perdana Menteri semasa berucap merasmikan kilang Hualon Corporation (M) Sdn. Bhd di Tangga Batu, di sini.

Sebagai contoh, katanya, seo-

rang pekerja mungkin mendapat gaji sebanyak 10 kali ganda semasa bekerja di Jepun tetapi ia tidak memberi sebarang bermakna jika sebiji tembikai di sana berharga kira-kira \$250.

Beliau menjelaskan, rakyat negara ini tidak boleh mende-sak kerajaan supaya jangan membenarkan pekerja asing datang bekerja di sini jika mereka tidak dapat menghargai kawalan kerja oleh kerajaan dan sebaliknya pergi bekerja di negara lain.

Menurutnya, semasa kerajaan berusaha melatih pekerja-pekerja yang mahir dalam industri teknologi tinggi, adalah baik pekerja-pekerja Malaysia yang sekarang berada di luar balik bekerja di negara ini.

"Di sini mereka lebih mudah mendapat pekerjaan, malah mereka berpeluang mendapat gaji yang lebih baik jika ada kebolehan dan kemahiran," tambahnya.

Ditanya bilangan rakyat Malaysia yang bekerja di negara lain, beliau menjelaskan, bilangannya ramai terutama sekali di Jepun dan Taiwan.

Perdana Menteri berkata,

tumpuan sekarang ialah kepada industri yang kurang menggunakan tenaga manusia iaitu yang menggunakan teknologi tinggi tetapi malangnya kerajaan memerlukan pekerja yang berpendidikan tinggi serta kemampuan dari segi teknikal.

"Ini bermakna pekerja Malaysia mesti sanggup bersabar sementara mendapat latihan yang sesuai kerana upah mereka tetap akan meningkat kemudian," katanya.

Beliau menambah, kerajaan mungkin terpaksa mengimport pekerja-pekerja asing bagi memenuhi keperluan industri jika para pekerja tempatan tidak sanggup mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran.

"Kita juga mungkin terpaksa terus mendirikan industri-industri yang menggunakan tenaga pekerja yang banyak jika pekerja-pekerja kita tidak sanggup mengikuti kursus," tambahnya.

Berhubung dengan kilang Hualon, beliau berkata, penubuhan kilang tekstil ini meletakkan Hualon Corporation sebagai sebuah syarikat Taiwan yang terbesar di Malaysia.